

Pemulihan



Melaksanakan kawalan trafik di lokasi bencana



Menyediakan laluan alternatif



Melaksanakan pemulihan menyeluruh

Talian Aduan & Kecemasan

- ✓ **SMS**
Taip JKR <aduan> hantar ke 32728
- ✓ **Hotline**
1-800-88-5004
- ✓ **E-mel Aduan Kerosakan Jalan**
aduan@jkr.gov.my
- ✓ **E-mel Bencana**
bencana@jkr.gov.my
- ✓ **Bilik Gerakan Bencana JKR**
Tel : 03-2696 7727
Faks : 03-2694 7550
- ✓ **Laman Web Bencana JKR**
www.jkr.gov.my/bencanaalam
- ✓ **Cawangan Senggara Fasilitas Jalan**
Tel : 03-2696 7725
Faks : 03-2694 7550
- ✓ **Syarikat Konsesi**

Belati Wangsa (M) S/B (Zon Utara)
Tel : 05-2552211 Faks : 05-2418111

Roadcare (M) S/B (Zon Tengah / Timur)
Tel : 03-92852257 Faks : 03-92854270

Selia Selenggara Selatan S/B (Zon Selatan)
Tel : 06-2318140 Faks : 06-2318246



Jabatan Kerja Raya Malaysia

Cawangan Senggara Fasilitas Jalan
Tingkat 10, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Tel : 03-2696 7712 Faks : 03-2694 7550
Web : www.jkr.gov.my



Sistem Pengurusan Bencana Jabatan Kerja Raya



Jabatan Kerja Raya
Malaysia



Pendahuluan

Sebagai agensi teknikal utama di Malaysia, JABATAN KERJA RAYA (JKR) memainkan peranan yang amat besar dalam setiap kejadian bencana yang berlaku. Pengalaman yang telah dilalui dalam hampir setiap kejadian bencana di Malaysia seperti banjir, tsunami, tanah runtuh, runtuh bangunan, kegagalan struktur dan sebagainya telah memperkasakan JKR agar sentiasa bersedia dengan sistem pengurusan bencana yang bersepadu dan terkini bagi menghadapi bencana pada masa akan datang.


Antara kemungkinan bencana yang boleh berlaku dan memerlukan penglibatan JKR adalah seperti banjir, ribut, kemarau, hakisan pantai, tanah runtuh, bencana industri, kemalangan, keruntuhan bangunan / struktur, kebakaran bangunan / struktur kompleks, kemalangan nuklear / radiologi, kejadian pelepasan gas beracun dan kejadian pengeboman.

Dalam sesuatu operasi pengurusan dan bantuan ketika berlaku bencana, JKR berperanan sebagai agensi bantuan dan pemulihan seperti :

- ✓ Memberi sokongan dari segi keperluan loji-loji, kenderaan, kakitangan untuk kerja-kerja mengemas tempat bencana dan pengangkutan.
- ✓ Menyediakan tempat berlindung sementara seperti kanopi atau khemah.
- ✓ Membekalkan air dan menaikkan tekanan air di kawasan yang memerlukannya (tindakan pihak berkuasa bekalan air).
- ✓ Menyediakan perkhidmatan teknikal dan pakar dalam bidang kejuruteraan forensik (pakar, geoteknik, struktur dan lain-lain seperti dalam kes tanah runtuh dan kegagalan struktur).
- ✓ Menyediakan kerja-kerja baikpulih seperti cerun runtuh dan sebagainya.
- ✓ Menyediakan Senarai Data Kelengkapan dan Senarai Kakitangan dalam masa bencana.

Pelan Tindakan Operasi Bencana


Aliran Perhubungan Ketika Kejadian Bencana



Tindakan Kecemasan Oleh JKR

- ✓ Tanah runtuh dan banjir
- ✓ Kegagalan tambakan dan jalan tenggelam
- ✓ Kerosakan / Runtuhan jambatan
- ✓ Kerosakan pembedung dan struktur saluran
- ✓ Tumpahan bahan kimia berbahaya
- ✓ Halangan jalan raya dan pokok tumbang

Prosedur Tindakan Kecemasan JKR



Pembangunan Sistem Sokongan

Sistem Pemantauan Banjir Berkamera (E-Banjir)

E-Banjir merupakan satu sistem pemantauan banjir berkamera yang dipasang di beberapa lokasi. Melalui sistem ini keadaan banjir dapat dipantau sepanjang masa melalui laman web.

Sistem Pengurusan Cerun dan Pengesanan Risiko

JKR telah membangunkan sistem Slope Management and Risk Tracking (SMART) yang merupakan program pengurusan cerun untuk mengenalpasti risiko dan kestabilan cerun di sepanjang jalan bagi tujuan penyenggaraan berterusan dan mengatasi berlakunya bencana di luar jangkaan.

Talian Aduan JKR

Bagi meningkatkan sistem penyampaian maklumat kejadian bencana, JKR memperkenalkan tiga kaedah aduan terpantas iaitu melalui sistem khidmat pesanan ringkas (SMS), e-mel dan talian hotline.

Laman Web Bencana Alam JKR

Perkembangan kejadian bencana terkini dapat diketahui oleh pengguna melalui laman web Bencana Alam JKR di alamat www.jkr.gov.my/bencanaalam.

Stok Jambatan Panel Keluli Bermodular

Jambatan panel keluli bermodular merupakan aset penting JKR sebagai persediaan menghadapi bencana. JKR mempunyai tiga set jambatan mudah alih yang dikendalikan oleh empat pasukan terlatih mengikut zon.

Sistem Pengurusan Jambatan JKR (JKR-BMS)

JKR Bridge Management System (JKR BMS) merupakan sistem yang membantu pemilihan keutamaan program menaiktaraf, baikpulih atau penyenggaraan jambatan, jejambat dan jejantas.